

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN

DEWAN RAKYAT, MALAYSIA

**DARIPADA : Y.B. TUAN TONY PUA KIAM WEE
(PETALING JAYA UTARA)**

PERTANYAAN : LISAN

TARIKH : 21.03.2016

Y.B. TUAN TONY PUA KIAM WEE [PETALING JAYA UTARA] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan sama ada Bank Negara (BNM) berpuas hati dengan tindakan susulan yang telah diambil oleh 1MDB selepas BNM menarik balik kelulusan yang diberikan untuk melabur sebanyak US\$1.83 bilion ke luar negeri dan mengarahkan supaya 1MDB memulangkan wang tersebut ke Malaysia.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Bank Negara Malaysia telah mengambil tindakan berdasarkan

undang-undang yang sedia ada. Setakat ini, penilaian sedang dibuat terhadap maklum balas yang diberi oleh 1MDB. 1MDB perlu mengemukakan maklumat lanjut berserta dengan dokumen-dokumen sokongan yang diperlukan sebelum tindakan susulan diambil setelah proses penilaian selesai.